


# Pahit Maung

PERJALANAN HIDUP  
SEORANG TOKOH  
MASYARAKAT



5096  
ZI

# Muhammad Baba Kutty



14/10/2025  
TDM  
FOC

#291778

**PAHIT MAUNG**  
perjalanan hidup  
seorang tokoh masyarakat

**MUHAMAD  
BABA KUTTY**

ditulis oleh

**AZIZAN AHMAD**

misai85@yahoo.com

*Muhammad Kutty*  
12/10/2025

Di terbitkan oleh:

**Air Panas Development Sdn Bhd**  
75A, Jalan Genting Kelang,  
Kuala Lumpur

Di cetak oleh:

**A A Communication**

No. 2112, Jalan Sungei, Batu 4,  
Gombak, 53000 Kuala Lumpur.



1014020

## Muqadimah

**A**ntara akhlak orang yang berjaya adalah bersikap optimis dan tidak berputus asas, serta orang itu mampu memperbaiki kesalahannya dan keluar daripada krisis serta mengubah kerugian menjadi keuntungan....

Inilah yang terkandung dalam lorong kehidupan Encik Muhamad ini. Kisah hidup beliau memang boleh dijadikan bahan motivasi bagi semua kerana ia satu kisah benar bagaimana seorang insan yang berada di dalam belunggu kemiskinan dapat keluar dari daerah yang gelap itu dan setapak demi setapak menaiki tangga kehidupan penuh dengan daya usaha serta kegigihan.

Encik Muhamad berani menceritakan dan membukukan kisah hidupnya kerana ia satu rakaman benar yang bukan direka reka dan sekaligus boleh dijadikan pedoman dan bukti untuk kita semua betapa Tuhan tidak mengubah nasib seseorang kecuali atas usaha kita sendiri

*Azizan Ahmad*  
*Penulis*

# ISI KANDUNGAN

Kisah Hidup Muhamad	halaman 4
Keluarga	halaman 26
Kediaman	halaman 28
Kegiatan politik & Masyarakat	halaman 31
Penceramah Politik	halaman 36
Perhimpunan Rakyat	halaman 37
Pengalaman di Jabatan Kerajaan	halaman 39
Kursus Persiapan Diri	halaman 41
Difitnah	halaman 49
Perniagaan	halaman 50
Ringkasan Sejarah Hidup Muhamad	halaman 51

# KISAH HIDUP MUHAMAD



**W**alaupun ketika ini berada di kedudukan yang selesa, Sebenarnya Encik Muhamad bin Baba Kutty ini mencapai kejayaan dalam hidupnya bukan dari jalan yang mudah.

Berbagai liku liku kehidupan telah dihadapi dan diharungi, berbagai suka duka yang telah mewarnai pengalaman hidupnya. Satu demi satu masalah muncul di jendela kehidupan dan dia terus melaluinya, dengan hati yang tenang dan penuh terancang.

Muhamad bukan seorang yang semata-mata berserah kepada nasib. Beliau memegang teguh kepada falsafah hidup,

“Manusia merancang, Tuhan menentukan.” Maka dengan falsafah sedemikian dia tidak pernah menyerah kalah.

Dia dilahirkan dari keluarga yang dianggap golongan berada. Tetapi setelah kembali ayahanda tercintanya ke Rahmatullah, ayah yang merupakan nadi kemewahan keluarga ketika itu, maka bermula lah episod pahit maung yang benar benar mencabar diri dan kehidupannya.

Permasalahan hidup yang datang padanya bukan calang calang ranjaunya. Andaikata situasi yang sama dihadapi oleh insan insan lain, sudah pasti mereka begitu mudah menyerah kalah dan menyerahkan kepada takdir semata mata.

Ramai yang mengharungi rintangan demi rintangan seperti mana yang dilalui oleh Muhamad ini dengan mudah menuding jari kepada nasib.

Namun bagi Muhamad yang semenjak belasan tahun lagi sudah memiliki prinsip hidup yang kuat, terus menghadapi apa saja kesusahan yang mendatang itu dengan penuh tabah dan dalam masa yang sama akan mencari jalan keluar dari lubuk kesusahan itu.

Beliau meletakkan nilai yang tinggi untuk diri beliau



*gambar Baba  
Kutty, ayah  
Muhamad  
bersama ahli  
keluarganya*

dalam mencapai matlamat hidup. Bagi Muhamad, kepayahan dalam hidup itu hanyalah satu tangga yang perlu dipijak untuk terus naik dan naik.


Dengan penuh keyakinan, Muhamad meniti anak tangga kehidupan satu demi satu, sehinggalah dia berada di kedudukan sekarang ini.



*Muhamad  
bersama  
keluarga ketika  
kecil  
(Muhamad  
sedang  
didukung)*

Muhammad dilahirkan pada 25 Februari 1954 di Melaka, pada jam 4.05 pagi. Atau lebih tepat lagi pada hari hampir subuh. di rumah keluarganya di Batu 2, Limbongan, Melaka. Semenjak lahir sehingga lah ke tahun 1967. Dia hidup dalam keadaan yang serba mewah.

Pada tahun 50an, keluarga beliau satu satunya keluarga yang sudah memiliki kenderaan. Waktu itu hanya golongan



*bersama keluarga di Kedai Antik di Jalan Gelanggang  
Melaka (gambar dalam tahun 1940an)*

---

bangsawan sahaja yang mampu memiliki kenderaan. Keluarga Muhamad bukan dari golongan bangsawan, tetapi datuk nya dari keturunan Kutty, iaitu sekumpulan kaum India Muslim yang datang dari India pada waktu itu sebagai mubaligh Islam dan dalam masa yang sama, sebagai pedagang.

Keturunan Kutty ini memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi Melaka pada waktu itu. Antaranya ialah Keturunan Kutty merupakan peneraju dalam beberapa sektor perabot antik. Satu perniagaan yang memperkenalkan




*Semasa kecil lagi  
Muhamad sudah  
m e n i k m a t i  
kemewahan hidup*

Melaka di mata dunia  
di kala itu.

Sedang dibuai kemewahan hidup, tiba-tiba ayahandanya Baba Kutty bin Abdullah telah kembali ke rahmatullah dalam tahun 1967. Ketika itu Muhamad berada di Tingkatan Satu.

Setelah ketiadaan bapa, maka bermulalah sebuah kehidupan yang benar-benar mengharukan. Keluarganya telah dilanda masalah kewangan dan masalah itu kian meruncing sehingga memaksa beliau berhenti sekolah dari Sekolah Menengah Gajah Behrang Melaka.

Ini bukan satu dakwaan untuk mendapat simpati murahan, tetapi disijil berhenti sekolahnya dari Sekolah Menengah Gajah Berang Melaka, tertera dengan jelas, sebab



*Kereta yang pernah dimiliki oleh keluarga M u h a m a d k e t i k a ayahandanya masih hidup*

berhenti sekolah ialah masalah kewangan.

Kita sering melihat dan mendengar, apabila seseorang pelajar berhenti sekolah di usia belasan tahun, mereka akan terus terjebak dalam aktiviti aktiviti anti sosial dan juga jenayah. Jika Muhamad berbuat demikian, tentu ia sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana selama hayat ayahandanya, dia hidup dalam keadaan yang mewah. Kehilangan kemewahan secara mendadak tentu membuatkan seseorang remaja menjadi mangsa kejutan budaya mewah kepada budaya susah.


Mujur Muhamad terhindar dari lembah kekecewaan itu, sebaliknya situasi itu telah berjaya memotivasikan dirinya sendiri apabila dia sanggup melakukan apa saja kerja yang

halal demi membantu keluarga. Ini bukan sesuatu yang mudah dilakukan kerana beliau bukannya anak sulung, dia anak yang ke empat dari lapan orang adik beradik, empat lelaki dan empat perempuan.

Kesusahan yang dihadapi keluarga Muhammad semakin meruncing, apabila pada satu ketika keluarganya terpaksa memakan bubur sehari sekali dan selebihnya hanya memakan biskut. Peristiwa terpaksa makan nasi bubur sehari sekali dan biskut itu masih segar dalam ingatan

Muhamad sehingga kini, malah insiden yang penuh emosi duka inilah yang mematangkan beliau untuk sentiasa bersimpati kepada golongan susah kerana beliau sendiri sudah lalui dan begitu memahami apa itu ertinya KESUSAHAN.

Malah, apabila datang hari lebaran, Muhammad sanggup mengambil upah mengecat rumah



*Muhamad di zaman remaja*

gurunya, semata semata untuk memberi pakaian baru bagi menyambut Hari Raya.

Pakaian baru yang dibeli itu pun berupa pakaian sekolah kerana selepas memakainya pada waktu hari raya, ia dipakai pula untuk ke sekolah.

Beliau tidak pernah lupa zaman remaja sewaktu beliau terpaksa berhenti sekolah kerana masalah kewangan. Walau di dalam hatinya meluap luap keinginan untuk belajar tetapi dia tidak berputus asa dan menyalahkan nasib, sebaliknya telah menangguhkan hasrat itu sementara mencari penyelesaian segera dalam keperluan hidup semasa yang lebih perlu diberi keutamaan.



Muhamad telah bekerja sebagai pekerja am di Kem Terendak Melaka, waktu itu kem

**Muhamad (kanan)  
bersama sahabatnya**

tersebut dipenuhi dengan tentera tentera Komanwel. Di sinilah Muhamad mengambil kesempatan belajar berbahasa Inggeris dengan dikelilingi tentera Inggeris, New Zealand dan Australia. Beliau sempat belajar bahasa Inggeris secara tidak formal, iaitu dengan pertuturan harian selama 2 tahun. Muhamad akui, di Kem Terendak Melaka inilah dia mula mempelajari kegigihan hidup. Berbagai gelagat dan watak manusia dari segenap penjuru benua menjadi pemerhatiannya.

Kemudian Muhamad mendapat tawaran bekerja di sebuah syarikat perabot antik di Jalan Gelanggang Melaka. (ketika ini dipanggil Jonker Street) Pengalaman bekerja di syarikat perabot antik ini cukup terkesan kepada beliau, kerana di situlah dia dapat berjumpa dan berkenalan dengan ramai orang kaya dan ternama yang menjadi pelanggan kedai perabot itu. Antara yang masih segar diingatkannya ialah Ratu Elizabeth dan ramai orang kaya dan kenamaan.

Pertemuan dengan orang orang kaya dan ternama itu membuatkan Muhamad bertambah gigih dan berusaha untuk menjadi orang hebat di dalam hidup.

Bagi merealisasikan cita cita untuk berjaya di dalam hidup, Muhamad rasa dia harus berhijrah. Dia memberanikan

Ibu Pejabat Polis,  
Melaka.

29 hb Mei 1975.

KEPADA SESIAPA YANG BERKEHAAN.

Saya telah kenal Muhamad bin Baba Kutiy sejak 4 tahun yang lampau. Beliau adalah daripada keluarga miskin dan terpaksa berhenti sekolah dalam tahun 1968 semasa dalam Tingkatan 1C oleh kerana kesukahan kewangan dan terpaksa mencari apa saja kerja untuk membantu keluarganya yang agak besar.

2. Beliau telah bekerja sebagai buruh kasar yang lebih memborat kepada kerja-kerja pertukangan di Kedai Peniaga Barang-barang lama di Jalan Gelanggang, Melaka. Bagi tempoh saya mengenalinya, beliau adalah berbudi bahasa, berkelakuan baik dan rajin. Saya tidak teragak-agak menyokong beliau bagi apa jua pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan beliau.

(P.N. MUTTLAR)

Timbalan Ketua Polis,  
Melaka.

*Untuk memudahkan beliau mencari kerja, Muhamad telah meminta Timbalan Ketua Polis Melaka memberi surat sokongan*

diri melangkah kaki ke Kuala Lumpur pada tahun 1972.

Tanpa berbekalkan apa-apa, kerja yang mampu dia lakukan sudah tentulah kerja bawahan. Muhamad telah bekerja sebagai pekerja gerai makan di salah sebuah gerai makanan di Pusat Makanan Benteng, medan makan terkenal di Kuala Lumpur ketika itu. (terletak di tebing Sungai Kelang, berhampiran Hong Kong Shanghai Bank, Medan Pasar)

sebagai pembuat teh dan roti canai.

Tanpa mpedulikan apa orang lain kata, dia bekerja sebagai tukang sapu sampah di Pusat Makanan Benteng tersebut. Sudah tentulah ia dilakukan ketika medan makan itu sudah tutup perniagaan iaitu pada jam lebih kurang satu pagi.

Dalam tahun 1975 Muhamad mendapat tahu ada peluang pekerjaan sebagai buruh di syarikat Pembinaan Italian Thai Development Corporation Highway. Syarikat membina lebuh raya dari Gombak ke Karak.



*Pada tahun 1973 lagi Muhamad sudah memiliki lesen memandu, beliau tidak mahu seperti segelintir remaja yang suka memandu tanpa lesen sehingga bertahun tahun lamanya*



No. 11.1.68

SEKOLAH PELAJARAN LAMBATAN, MALACCA  
SECONDARY CONTINUATION SCHOOL, MALACCA  
SEKOLAH MENENJAH RENJAH (LAKI) - II

POBATS LOWER SECONDARY SCHOOL (BOYS) - II  
c/o Gajah Berang Secondary English School,  
MALACCA

SIJIL BERHENTI SEKOLAH  
(Leaving Certificate)

Nama (Name) MOHAMMAD Bin. BABA. KUTTY

Angka di-kenal: 0149 Bil. Kad. Pengenal: 458921  
(Admission No.) (Identity Card No.)

Tarikh dan Tempat dilahirkan: 25. 11. 54  
(Date & Place of Birth)

Nama Bapa / Penjaga: BABA KUTTY Bin. ABDULLAH  
(Name of Father / Guardian)

Sekolah dahulu (Jika ada): SEKOLAH KEWANGAN, LAMBONGAN, MALACCA  
Former School (If any)

Tarikh masuk: 16. 1. 67 Tingkatan masuk: Form 1  
(Date of Admission) (Form admitted)

Tarikh berhenti: 24. 5. 68 Pada masa berhenti: Form 1  
(Date of leaving) (Form at time of leaving)

Bayaran (Jika ada)/Berbiayanya pelajaran perhuma: Rm. 180/68  
(Fees due/Free Place Authority)

Kedatangan dalam tahun: REGULAR Kelakuan: GOOD  
(Attendance during the year) (Conduct)

Sebab berhenti: Quitted To ENRICHEN DIPLOMATIC  
(Reason for leaving)

Permainan dan Sukan: (G. & Athletics)

Perkhidmatan:

Chatuan:

(Remarks)

P. K. Liew  
Lower Secondary School (Boys) II  
c/o Gajah Berang Secondary English School  
MALACCA  
Tarikh: 7. 5. 1968  
(Date)

**Sijil Berhenti Sekolah, cuba perhatikan sebab mengapa berhenti sekolah sebagaimana tercatat di sijil tersebut iaitu kerana masalah kewangan**

Kementerian Pertahanan. Pejabat majikannya terletak di Kem Batu Kantomen, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur tetapi Muhamad ditugaskan bekerja sebagai penjaga pam minyak yang terletak di Kementerian Pertahanan di Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

Tugasan di tempat tersebut hanya setengah hari sahaja,



1588981  
B-10562104

BORANG M  
NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU  
PERAKUAN BERANAK  
Orisinal Pendaftaran Beranak dan Matri, 1957  
(Seksyen 12 (1) dan 13 (2); Aisuran 14)

Ruang untuk catu  
pindaan atau pindah

Kawasan Pendaftaran	MELAKA	Kawasan	BELAH BUKIT BATANG TIGA	
Nama penuh Kanak-kanak	MUHAMAD BIN BABA KUTTY	Jantina	CH	
Tempat Dilahirkan	BATI 2 LIMBONGAN	Tarikh dan Waktu Dilahirkan	7 AM 05th FEBRUARY 1954	
Bilik	Nama	BABA KUTTY BIN ABDULLAH	Nama isteri, Kandung LEONG BI ALISOF	
	Nombor Kad Pengiraan	—	Nombor Kad Pengiraan	—
	Warna	—	Warna	—
	Umur	—	Umur	—
	Lain-lain jenis Suratan Pengiraan	—	Lain-lain jenis Suratan Pengiraan	—
Pekerjaan	MENIAGA	Tempat Tinggal yang Biasa	—	
	Keturunan	—	Keturunan	—
Perseorangan	Nama	OMAR BIN MUD YASSIN	—	
	Pekerjaan	—	—	
	Nombor Kad Pengiraan	M: 159976	Warna	—
Tarikh Pendaftaran	17.03.54	SA. MARCH 1954	—	
Nama Kanak-kanak jika diarahkan sebagai Pendaftaran Beranak Ganda				

DIPERAKLI SEBAGAI SALINAN BENAR BAGI CATATAN DALAM DAFTAR BERANAK

B 930323

BAYARAN 55

REKORAN MELAKA

20 1954

*[Signature]*  
Pendaftar Beranak/Pendaftaran Beranak

[Borang ini dipromosikan oleh Pejabat Negara, Malaysia, menurut: Pembekalan Undang-undang No 12 tahun 1964—L.N.—1964—XII BH (2) dan R.O.F. 1D) 290]

### Sijil Kelahiran Muhamad

di waktu lapang, Muhamad rasa daripada duduk mengelamun, lebih baik dia mencari sesuatu untuk mengiri ruang masa. Dia mendapat satu idea yang mengisi masa lapang dan dalam masa mengisi poketnya juga, dia pun menjelajah ke segenap kawasan perumahan di sekitar dengan menaiki basikal sambil membawa mesin pemotong rumput, dia telah mengambil upah



memotong rumput. Hasilnya memang agak lumayan, ramai orang yang telah mengambilnya menjalankan kerja pemotongan rumput.

Pada waktu malamnya pula, dia belajar di Pusat lanjutan Pelajaran Jalan Stoney, Kampung Baru, Kuala Lumpur, untuk mengambil peperiksaan SRP. Setiap malam Muhamad dengan tekun mentelaah buku buku pelajaran di sekolah swasta itu. Dia tahu dia harus belajar bersungguh sungguh kerana wang untuk membiayai pembelajaran di sekolah tersebut datang dari duit titik peluhnya sendiri. Tiada sesiapa yang menanggungnya. Dia tidak ada peluang seperti anak anak orang lain yang menghadiri sekolah secara biasa. Pada tahun 1979, dia dapat menduduki peperiksaan tersebut dengan mendapat Gred B.

Gred B sudah membolehkan seseorang itu meneruskan pengajian akademiknya, tetapi memiliki Gred B dalam peperiksaan SRP, tidak memuaskan hati anak muda berhati kental ini. Dia tahu dia mampu mendapat keputusan yang lebih baik, mungkin kerana dia terpaksa bekerja dan belajar dalam satu waktu yang sama telah membuatkan dia kurang cemerlang. Oleh kerana kepercayaan diri yang sudah menebal. Pada tahun 1980, dia menduduki peperiksaan SRP sekali lagi dan kali ini dia benar-benar dapat membuktikan kepada dirinya

Antara akhlak orang yang berjaya adalah bersikap optimis dan tidak berputus asas, serta orang itu mampu memperbaiki kesalahannya dan keluar daripada krisis serta mengubah kerugian menjadi keuntungan....

Inilah yang terkandung dalam kisah kehidupan Encik Muhamad ini. Kisah hidup beliau memang boleh dijadikan bahan motivasi bagi semua

